



Ruj.Kami:PWN.SEL.1058 Jilid 4(47)

Tarikh : 05 Mac 2020

Semua Ketua Jabatan Negeri /
Ketua Pusat Tanggungjawab

YB Dato' /YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

ARAHAN OPERASI iSPEKS BILANGAN 3 TAHUN 2020 - PENDAFTARAN PORTAL iSPEKS.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Seiring dengan pelaksanaan sistem iSPEKS, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) juga telah membangunkan Portal iSPEKS yang boleh dilayari melalui alamat <https://p.ispeks.selangor.gov.my/eispeks/main> bagi membolehkan pengguna mengakses maklumat status pembayaran (eMaklum), slip gaji (*ePayslip*) dan laporan penyata pendapatan tahunan (eEC) secara *online*. Kemudahan lain yang sedang dibangunkan di dalam portal ini adalah permohonan tuntutan perjalanan, elaun kerja lebih masa dan pinjaman komputer, kenderaan serta perumahan.
3. Bagi pengguna yang ingin mengakses maklumat *ePayslip* dan laporan penyata pendapatan tahunan, pengguna perlu terlebih dahulu mendaftar di Portal iSPEKS. Pengguna **diwajibkan mempunyai emel rasmi jabatan** dan didaftarkan di maklumat sistem gaji kakitangan (PY) iSPEKS kerana emel ini perlu digunakan semasa pendaftaran. Manual pendaftaran Portal iSPEKS boleh dirujuk di **Lampiran A**.
4. Pengguna boleh berhubung dengan Unit Gaji di Jabatan masing-masing untuk menyemak atau mengemaskini maklumat emel di dalam sistem gaji iSPEKS. Sekiranya maklumat emel berkenaan telah didaftarkan, pengguna boleh terus mendaftar capaian di Portal iSPEKS pula.

5. Jika terdapat sebarang isu atau pertanyaan mengenai perkara ini, pengguna boleh berhubung terus dengan Unit iSPEKS di talian 03-5521 2307 / 2314 atau emel ispekscare@selangor.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DR. SHAHRIL BIN BAHARIM C.A.(M), FCMA, CGMA
Bendahari Negeri
b.p. YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Salinan kepada :-

1. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
2. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Selangor



Lampiran A

MANUAL PENDAFTARAN PORTAL iSPEKS



Pengaktifan Akaun Pengguna Portal iSPEKS Selangor

Makluman :


- Semua pengguna adalah **WAJIB** menggunakan emel rasmi kerajaan sahaja untuk pendaftaran dan log masuk ke sistem Portal iSPEKS.
- Pengguna baru yang ingin menggunakan Portal iSPEKS perlu menyemak dengan Unit Gaji di Jabatan masing-masing sekiranya gagal untuk Login Kali Pertama.

Ini adalah bagi memastikan maklumat **No. Kad Pengenalan** adalah tepat dan **Emel Rasmi telah dikemaskini di dalam modul Gaji sistem iSPEKS**.


- Manual Pengguna Modul Portal iSPEKS boleh didapati di <http://pwn.selangor.gov.my>

(pilih pada **MUAT TURUN > iSPEKS > Manual Sistem iSPEKS > PORTAL : PT-01 Pengurusan Pengguna**)

Taip url pada browser web <https://p.ispeks.selangor.gov.my/eispeks/main> atau ;



Pergi ke laman web <http://pwn.selangor.gov.my/> → pilih pada **SISTEM** → klik pada **Sistem Portal iSPEKS**






Kemudian pilih pada butang **Login Kali Pertama** dan klik.


Paparan Pengaktifan ID Pengguna akan dipaparkan, pengguna perlu mengisi maklumat yang diperlukan → kemudian tekan butang **Hantar**.



Maklumat pengguna berjaya di hantar ke emel yang telah didaftarkan.



Semak pada emel untuk mendapatkan **kata laluan sementara** yang telah di hantar oleh sistem.





Pengguna perlu Log Masuk semula untuk pengaktifan akaun portal → Klik pada butang **Seterusnya**.

PORTAL iSPEKS versi 2.1
Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri

**SELAMAT DATANG KE
PORTAL iSPEKS**
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Log Masuk

ID Pengguna 1234567890

Seterusnya

Login Kali Pertama Lupa Kata Laluan

Pengenalan

Portal iSPEKS adalah satu produk yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi membantu Perbendaharaan Negeri membolehkan pengguna mengakses maklumat status pembayaran, slip gaji dan laporan penyata tahunan melalui internet. Portal iSPEKS mengandungi 3 subsistem iaitu eMaklum, ePayslip dan eEC. Walau bagaimanapun, ke semua modul di dalam Portal iSPEKS boleh diakses melalui satu (1) skrin login.

Pengguna perlu memasukkan **kata laluan sementara** yang telah di hantar oleh sistem.

PORTAL iSPEKS versi 2.1
Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri

**SELAMAT DATANG KE
PORTAL iSPEKS**
Excellent Accounting @ Your Service

Log Masuk

Frasa Rahsia

ID Pengguna 1234567890

Kata Laluan *****

Login Keluar

Pengenalan

Portal iSPEKS adalah satu produk yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi membantu Perbendaharaan Negeri membolehkan pengguna mengakses maklumat status pembayaran, slip gaji dan laporan penyata tahunan melalui internet. Portal iSPEKS mengandungi 3 subsistem iaitu eMaklum, ePayslip dan eEC. Walau bagaimanapun, ke semua modul di dalam Portal iSPEKS boleh diakses melalui satu (1) skrin login.



Pengguna perlu melengkapkan maklumat yang diperlukan

PORTAL ISPEKS versi 2.1
ANM Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri

Maklumat Pendaftaran Baru

ID Pengguna : 1234567890
Nama : MOHAMMAD HAFIZ BIN ABDUL SHUKOR
Email : mhafiz@selangor.gov.my

Maklumat Kata Laluan

* Medan Wajib Diisi

Kata Laluan Baru:

Sah Kata Laluan Baru:

Soalan dan Jawapan Rahsia

1. Q Sila Pilih

A

2. Q Sila Pilih

A

3. Q Sila Pilih

A

Selepas lengkap mengisi maklumat yang diperlukan, pengguna perlu klik pada butang **Aktif**.

Imej Online

Frasa Rahsia

Frasa Rahsia

© Hak Cipta Terpelitara 2016 | JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Pengguna perlu log masuk semula menggunakan kata laluan yang baru.


Pendaftaran telah berjaya, pengguna boleh menggunakan sistem Portal iSPEKS.

Bantuan Helpdesk :

Sebarang masalah boleh diemelkan kepada pwn_helpdesk@selangor.gov.my



FAQ Portal iSPEKS Selangor



1) Soalan : “Sistem Mengalami Masalah. Sila Hubungi Administrator!”

Punca : Maklumat emel tiada di fail induk gaji.

Penyelesaian : Pegawai perlu menyemak maklumat fail induk gaji di unit gaji di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing dengan melengkapkan maklumat emel di fail induk gaji.

2) Soalan : “Sila Kemaskini Email Anda”

Punca : Maklumat emel di fail induk gaji perlu dikemaskini dan menggunakan emel semasa.

Penyelesaian : Pegawai perlu menyemak maklumat fail induk gaji di unit gaji di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing dengan mengemaskini maklumat emel terkini di fail induk gaji.



3) Soalan : “Pengguna ini tiada dalam rekod!!! No. pengenalan/ID Syarikat atau Emel tidak wujud”

Punca : Maklumat pegawai tidak wujud di fail induk gaji.

Penyelesaian : Pegawai perlu menyemak maklumat fail induk gaji di unit gaji di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.

4) Soalan : “Pengguna ini perlu diaktifkan”

Punca : Kata laluan yang dimasukkan salah sewaktu pendaftaran kali pertama dan telah melebihi tiga (3) kali.

Penyelesaian : Pegawai boleh emelkan permasalahan ke pwn_helpdesk@selangor.gov.my atau membuat panggilan terus di talian **03-5521 2333 / 2357** atau **03-5544 7230 / 7304** bagi tujuan pengaktifan akaun portal iSPEKS.



Log Masuk

Percubaan masuk melebihi 3 kali. Akaun anda telah dikunci. Sila Hubungi Administrator

ID Pengguna 888888888888

Seterusnya

5) Soalan : “Percubaan masuk melebihi 3 kali. Akaun anda telah dikunci. Sila Hubungi Administrator”

Punca : Kata laluan yang dimasukkan salah dan telah melebihi tiga (3) kali.

Penyelesaian : Pegawai boleh emelkan permasalahan ke pwn_helpdesk@selangor.gov.my atau membuat panggilan terus di talian **03-5521 2333 / 2357** atau **03-5544 7230 / 7304** bagi tujuan pengaktifan akaun portal iSPEKS.